



PERSATUAN KEBAJIKAN

PEKERJA-PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI PULAU PINANG

d/a Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang,
Jalan Batu Kawan,
14100 Simpang Ampat,
Pulau Pinang.

No. Pendaftaran : PPM-005-07-22121977

E-mail : kebajikanbombapp@gmail.com

SEPERTI SENARAI EDARAN

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/PP/PKPPBNPP/1697 Jld.2 (57)

Tarikh : 23 Oktober 2024

Tuan/ Puan/ Encik,

MESYUARAT JAWATANKUASA PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI PULAU PINANG BIL. 3/2024

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang Bil.2/2024 akan diadakan seperti ketetapan berikut :-

Tarikh : 30 Oktober 2024 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Zon 3, Pulau Pinang.
Pejabat Zon 3, Pulau Pinang

3. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut :

- 3.1. Ucapan Pengerusi
- 3.2. Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2024.
- 3.4. Kewangan
- 3.5. Perkara-perkara Berbangkit
- 3.6. Hal-hal lain

4. Kehadiran dan keprihatinan tuan/puan/encik menghadiri mesyuarat ini amatlah saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"KEBAJIKAN SATU IBADAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(RAHIMAH BINTI ZAINAL ABIDIN)

Setiausaha,

Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Bomba dan Penyelamat
Negeri Pulau Pinang.

- s.k. i. Penolong Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran
– ***Mohon kebenaran menghadiri mesyuarat***
ii. PgKB II Azhar bin Hamat
– ***Tuan dijemput mempengerusi mesyuarat***
– ***Mohon menggunakan kemudahan Bilik Mesyuarat***

SENARAI EDARAN

BIL	JAWATAN	NAMA	TEMPAT BERTUGAS
1	Pengerusi	Tuan Azhar Bin Hamat	Zon 3 , Pulau Pinang
2	Naib Pengerusi	Tuan Hadzi Bin Mohamed Yusuff	Zon 1 , Pulau Pinang
3	Setiausaha	Puan Rahimah Binti Zainal Abidin	Bahagian Keselamatan Kebakaran
4	Naib Setiausaha	Puan Azmah Lailee Binti Aziz	Bahagian Penyiasatan Kebakaran
5	Bendahari	Puan Asmar Nida Binti Abdul Manan	Bahagian Latihan
6	Naib Bendahari	Tuan Khairul Anuar Bin Kamaruddin	Balai Bomba dan Penyelamat Nibong Tebal
7	Ahli Jawatankuasa	i. Tuan Mohd Shukhri bin Abd Rahman	Bahagian Latihan
8		ii. Tuan Ahmad Shukri bin Hashim	Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas
9		iii. Puan Anisah Binti Roslan	Bahagian Penyiasatan Kebakaran
10		iv. Tuan Rosli bin Ibrahim	Zon 1 , Pulau Pinang
11		v. Encik Azahari Bin Ahmad	Balai Bomba dan Penyelamat Penanti
11		vi. Encik Mohamad Hazam bin Che Hasan	Balai Bomba dan Penyelamat Tasek Gelugor
12		vii. Encik Roozaidie Bin Ibrahim	Balai Bomba dan Penyelamat Bayan Baru
13		viii. Encik Mohd Awis Kharni bin Ab Rahman	Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Bakap
14		ix. Encik Md Ridzuan Bin Abdul Rahman	Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Bahang

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT
NEGERI PULAU PINANG BIL. 2/2024**

TARIKH : 27 MEI 2024 (ISNIN)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT ZON 3, PULAU PINANG.
PEJABAT ZON 3, PULAU PINANG

KEHADIRAN

1.	Tuan Azhar bin Hamat	-	Pengerusi
2.	Tuan Hadzi Bin Mohamed Yusuff	-	Timbalan Pengerusi
3.	Puan Rahimah Binti Zainal Abidin	-	Setiausaha/ Pencatit minit
4.	Puan Azmah Lailee Binti Aziz	-	Penolong Setiausaha
5.	Puan Asmar Nida Binti Abdul Manan	-	Bendahari
6.	Tuan Khairul Anuar Bin Kamaruddin	-	Penolong Bendahari
7.	Encik Mohamad Hazam bin Che Hasan	-	Ahli Jawatankuasa
8.	Encik Md Ridzuan Bin Abdul Rahman	-	Ahli Jawatankuasa

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1.	Tuan Mohd Shukhri bin Abd Rahman	-	Ahli Jawatankuasa
2.	Tuan Ahmad Shukri bin Hashim	-	Ahli Jawatankuasa
3.	Tuan Rosli bin Ibrahim	-	Ahli Jawatankuasa
4.	Puan Anisah Binti Roslan	-	Ahli Jawatankuasa
5.	Encik Roozaidie Bin Ibrahim	-	Ahli Jawatankuasa
6.	Encik Azahari Bin Ahmad	-	Ahli Jawatankuasa
7.	Encik Mohd Awis Kharni bin Ab Rahman	-	Ahli Jawatankuasa

1. UCAPAN Pengerusi

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada yang hadir.

Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Perkhidmatan Bomba Negeri Pulau Pinang Bil.1/2024 disahkan dan disokong seperti berikut:

Disahkan : Tuan Hadzi Bin Mohamed Yusuff
Disokong : Encik Md Ridzuan Bin Abdul Rahman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Kursus Kebajikan

3.1.1 Pengerusi meminta supaya Tuan Mohd Shukhri menghubungi pihak INTAN Wilayah Utara untuk mendapatkan maklumat berkaitan kewangan (AKPK) kepada ahli persatuan ini yang akan bersara dan mendapatkan nama peserta dan akan dibincangkan semasa mesyuarat AJK seterusnya.

Tindakan: **Tuan Mohd Shukhri**

3.2 Program *Corporate Social Responsibility* (CSR)

3.2.1 Encik Md Ridzuan telah menyerahkan kertas kerja permohonan van jenazah kepada pengerusi. Mesyuarat telah memutuskan cadangan terbaru permohonan bagi program CSR adalah kepada syarikat Jeruk Pak Ali. Pengerusi juga meminta supaya Tuan Hadzi menyemak sama ada syarikat Pat Mat Western berkemampuan melaksanakan program CSR ini.

Pengerusi mengingatkan semula bahawa urusan mendapatkan van jenazah akan diuruskan oleh persatuan ini manakala berkaitan penyelenggaraannya akan diuruskan oleh PERSKEB.

Tindakan: **Tuan Hadzi**

3.3 Pengurusan Penyerahan Faeadah

3.3.1 Penyerahan faedah disampaikan secara serahan tangan mengikut wakil zon yang ditetapkan seperti berikut :

Zon 1, Pulau Pinang -	Tuan Hadzi Bin Mohamed Yusuff Encik Md Ridzuan Bin Abdul Rahman
Zon 2, Pulau Pinang -	Tuan Rosli bin Ibrahim Encik Roozaidie Bin Ibrahim
Zon 3, Pulau Pinang -	Tuan Mohd Shukhri bin Abd Rahman Encik Mohd Awis Kharni bin Ab Rahman
Zon 4, Pulau Pinang -	Tuan Ahmad Shukri bin Hashim Encik Mohamad Hazam bin Che Hasan

Makluman

3.3.2 Wakil zon yang dipertanggungjawabkan hendaklah membentangkan laporan setiap kali mesyuarat AJK diadakan.

Makluman

3.4 Kad Keahlian

3.4.1 Mesyuarat telah bersetuju peruntukan sebanyak RM10.00 dan memutuskan kad keahlian menggunakan digital kepada ahli baru yang belum menerima kad keahlian.

Tindakan: **Mohd Shukhri**

3.5 Baju Korporat

3.5.1 Peruntukan baju korporat kepada AJK sesi 2023-2024 sebanyak RM 100.00 x 19 orang (termasuk YS Pengarah dan Timbalan Pengarah). Telah dipersetujui sekiranya peruntukan melebihi RM 100.00 tambahan akan ditanggung ajk sendiri. Mesyuarat dimaklumkan bahawa kouta YS Pengarah sahaja yang masih tertanggung.

Tindakan: **Puan Anisah**

3.6 Pembentangan Kewangan

3.6.1 Bendahari Puan Asmar Nida membentangkan untuk kewangan sehingga April 2024 seperti berikut:-

➤ Baki di bank sehingga April 2024	=	RM 50,398.46
➤ Yuran Ahli sehingga April 2024	=	RM 10,292.43
➤ Perbelanjaan :		
○ Perkahwinan	--	RM 0.00
○ Pengurusan	--	RM 2,399.60
○ Hospital	--	RM 330.00
○ Penyakit Kritikal	--	RM 0.00
○ Bencana Alam	--	RM 300.00
○ Kematian	--	RM 2,000.00
○ Proses Cek	--	RM1.00
○ Anak Cemerlang	--	RM 200.00
○ Persaraan	--	RM 500.00
○ Pengurusan Jenazah	--	RM 500.00
➤ Jumlah perbelanjaan sehingga April 2024	=	RM 6,230.60
➤ Baki di tangan Bendahari	=	RM 3,004.35

Makluman

3.6.2 Mesyuarat ini masih mengekalkan supaya peruntukan sebanyak RM50 (tunai/barangan) bagi tujuan ajk menziarahi ahli yang sakit.

Tindakan: **Puan Asmar Nida**

3.7 Lantikan Biro-Biro

3.7.1 Pengerusi meminta setiap biro yang dilantik membuat pembentangan semasa mesyuarat seterusnya.

- **Biro Promosi & Publisiti**
 - i. Puan Anisah
 - ii. Encik Md Ridzuan
 - iii. Encik Roozaidie

- **Biro Ekonomi**
 - i. Tuan Ahmad Shukri (BBP Butterworth)
 - ii. Encik Mohd Awis Kharni
 - iii. Tuan Rosli
- **Biro Program dan Aktiviti**
 - i. Tuan Khairul Anuar
 - ii. Encik Hazam
 - iii. Puan Lailee
- **Biro Keahlian**
 - i. Tuan Mohd Shukhri
 - ii. Encik Azahari

Tindakan: **Semua AJK**

4. HAL-HAL LAIN

4.1 Kaedah Perlantikan AJK di dalam Mesyuarat Agung

4.1.1 Mesyuarat ini telah memutuskan supaya kaedah perlantikan AJK dikekalkan sama seperti sebelum ini di mana AJK dilantik secara undian semasa mesyuarat agung.

Makluman

4.2 Keahlian Persatuan

4.2.1 Pengerusi meminta supaya maklumat keahlian diserahkan kepada Biro Keahlian untuk pembentangan.

Tindakan: **Tuan Mohd Shukhri, Encik Azahari**

4.3 Bantuan Kecemasan

4.3.1 Pengerusi mencadangkan bantuan kecemasan kepada ahli yang memerlukan pembiayaan hospital contoh seperti duit deposit pembedahan serta memasang skru. Mesyuarat bersetuju supaya inisiatif kaedah kutipan dilaksanakan. Pengerusi akan membawa usul ini di dalam mesyuarat pengurusan untuk kelulusan YS Pengarah.

Tindakan: **Tuan Azhar (Pengerusi)**

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Perkhidmatan Bomba Negeri Pulau Pinang Bil.2/2024 ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Disediakan oleh

RAHIMAH BINTI ZAINAL ABIDIN
Setiausaha,
Persatuan Kebajikan
Pekerja-Pekerja Bomba dan Penyelamat
Negeri Pulau Pinang.
Tarikh : 30.05.2024

Disahkan oleh

AZHAR BIN HAMAT
Pengerusi,
Persatuan Kebajikan
Pekerja-Pekerja Bomba dan Penyelamat
Negeri Pulau Pinang.
Tarikh : 30.05.2024